

18 MAR 1997

TERENGGANU TIDAK BEBANKAN PELABUR, KATA WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 18 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kerajaan negeri tidak pernah membebankan syarikat-syarikat yang ingin melabur di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri sebaliknya menawarkan beberapa insentif kepada syarikat-syarikat itu supaya tidak membebankan bakal pelabur.

Antara insentif yang ditawarkan ialah pembayaran harga tanah secara beransur-ansur kerana kerajaan tahu sebahagian besar daripada modal biasanya akan digunakan untuk membayar harga tanah, katanya kepada pemberita hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan-kerajaan negeri seharusnya bersedia mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi bagi jangka panjang.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri juga memberi galakan kepada kilang yang mempunyai banyak pekerja dengan menyumbang RM150 kepada gaji bulanan pekerja selama tempoh enam bulan bagi memastikan kilang berkenaan memindahkan kemahiran kepada rakyat tempatan.

Ini bermakna sekiranya kadar gaji seseorang pekerja ditetapkan RM400 sebulan, kilang itu cuma perlu membayar RM250 bagi tempoh itu manakala RM150 lagi dibayar oleh kerajaan negeri, katanya.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri juga berusaha memberi kelulusan seberapa cepat yang boleh kepada permohonan tanah dari sesebuah syarikat yang mahu melabur di negeri ini. -- BERNAMA

IB NMO